



Surah An-Nisaa' ayat 58

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat”.

1. Berdasarkan ayat Surah An-Nisaa' ayat 58, Amanah yang perlu ditunaikan sebagai penjawat awam:
 - i. Memikul amanah yang sangat besar yang dipertanggungjawabkan secara bersama (dari peringkat Pengurusan Atasan hingga ke peringkat Sokongan) terutama dalam melaksanakan *core business* menyelesaikan kes-kes.
 - ii. Melaksanakan tugas sebagaimana yang diarahkan dan mengikut senarai tugas masing-masing.
 - iii. Mengamalkan integriti dan disiplin dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan iaitu kehadiran dalam mesyuarat, kursus atau seminar yang diarahkan di samping kehadiran bertugas di pejabat setiap hari. Jika ada keperluan untuk keluar pejabat, mestilah mengikut peraturan dan dimaklumkan kepada penyelia.
 - iv. Perlu menjaga disiplin, penampilan diri dan percakapan samada di dalam atau di luar pejabat kerana masyarakat luar memandang tinggi terhadap institusi kehakiman tanpa mengira gred dan jawatan kakitangan.
 - v. Menyumbang mengikut kemampuan masing-masing dari segi tenaga dan buah fikiran. ‘Tak mahu penumpang tapi penyumbang’.
 - vi. Membuang sikap-sikap negatif 6M iaitu Malas, Malu, Menyombong, Marah, Mengarah dan Merajuk.



Surah At-Taubah ayat 105

Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramalah/berkerjalah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".

2. Berdasarkan ayat Surah At-Taubah ayat 105, Warga kerja hendaklah mengamalkan beberapa prinsip kerja iaitu :

i. Arahan bekerja (Arahan dari atas ke bawah)

Mengamalkan sikap tidak mendahului orang yang tidak sepatutnya atau melangkahi penyelia. Bak kata pepatah "berjinjang naik, bertangga turun",

ii. Mengamalkan konsep ABC

Attitude –positif dalam menerima tugas.

Belief- keyakinan untuk melaksanakan tugas.

Commitment- kesungguhan dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan tugas.

iii. Kerja berpasukan (*teamwork*)

iv. Semua boleh menyumbang idea

v. Nasihat menasihati antara satu sama lain

vi. Mengamalkan pendekatan semua masalah boleh diselesaikan secara bersama



Surah An-Nisa' ayat 59

Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.

3. Berdasarkan Surah An-Nisa' ayat 59, berkaitan Ketaatan/Wala',
 - i. Ketaatan kepada Allah, Rasul dan ketua (wala').
 - ii. Kepentingan jabatan mengatasi kepentingan individu.
 - iii. Ketua membuat keputusan secara consensus (persepakatan). Jika tiada kesepakatan dicapai, ketua mestilah tetap memberi satu keputusan atau ketetapan.
 - iv. Sentiasa berusaha untuk maju ke hadapan. Pihak pengurusan tertinggi sentiasa berusaha untuk meningkatkan dan menyediakan infrastruktur yang terbaik.
 - v. Perlu sentiasa ada daya cipta dan inovasi dalam memperkemaskan dan memajukan pengurusan kes, pentadbiran serta teknologi maklumat.
 - vi. Memberi penghargaan Jabatan kepada pegawai dan kakitangan.
 - vii. Amalan 'Bersih, Muafakat dan Sejahtera' perlu dilaksanakan sebagaimana saranan YB Menteri Besar.